

**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
BILANGAN : IKLAN 71/10/18**


**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**PEGAWAI PELAJARAN (GURU ILMIAH) (B.2 EB.3)  
INSTITUT LATIHAN ABDB  
KEMENTERIAN PERTAHANAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



### **Senarai semak sebelum memohon jawatan kosong dalam Bahagian II**

Sila pastikan maklumat-maklumat berikut hendaklah **lengkap dan di muat naik ke dalam Profil awda** sebelum menekan butang '**Apply**';

Kad pengenalan dan Lesen Memandu (jika berkenaan).

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">Kad Pengenalan.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">Lesen Memandu.pdf</a>

SIJIL Degree (Ijazah Sarjana Muda) serta **KELULUSAN TRANSKRIP** yang dikehendaki oleh Skim Iklan dan **PENGESAHAN PENGITIRAFAN KELULUSAN (MKPK)** bagi kelulusan Institusi Pengajian Swasta dan Institusi dari luar negeri.

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">PHD.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">MASTER.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">DEGREE.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">HND.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">HNC.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">ND.pdf</a>

Hendaklah ada maklumat bidang kelulusan ('field') seperti contoh Business Administration di ruangan yang tersembunyi dengan menekan tanda "+" disebalik kiri diruangan Bachelor of Arts. jika sekiranya belum diisikan maklumat bidang ('field'), sila tekan tanda "+add" dibawah kelulusan tersebut dan seterusnya menaip bidang awda seperti contoh Business Administration, Employment Relation dan sebagainya.



		Title of Examination	University/College	Result of Examination	Upload File
		BACHELOR OF ARTS	Universiti Brunei Darussalam	PASS	<b>DEGREE.pdf</b>
		Field			
		BUSINESS ADMINISTRATION			
		<a href="#">+ Add</a>			

Bagi pemohon yang memenuhi syarat pengalaman sahaja pastikan di dalam profil awda terdapat ruangan “Current Government Employee”/“Warga Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam”. Jika sekiranya tidak ada, pemohon hendaklah memaklumkan kepada POC (Kementerian/Jabatan) dan seterusnya POC (Kementerian /Jabatan) akan memaklumkan kepada POC (SPA).

## My Profile


### Working Experience

#### Public and Ex-Government Employee



#### Current Government Employee

	Start Date	To Date	Name And Address of Employer	
	01/02/2015		PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office	
	01/02/2015	31/01/2016	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office	
	01/02/2014	31/01/2015	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office	



**1. PEGAWAI PELAJARAN (GURU ILMIAH)  
INSTITUT LATIHAN ABDB  
KEMENTERIAN PERTAHANAN  
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = DUA (02)**


**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dalam bidang seperti berikut atau dalam bidang bersesuaian.
  - *English Language*
  - *Teaching English as a Second Language (TESL)*
  - *English Literature / Linguistics*
  - *Computer Information System*
  - *Computer Studies*
  - *Computer Information Studies*

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

Bagi pemohon yang bukan mengikuti Program Pendidikan seperti Para 1 juga boleh dipertimbangkan akan tetapi pemohon yang berjaya adalah dikehendaki mengikuti latihan perguruan bagi mendapatkan Diploma atau Sijil Lepasan Ijazah dalam tempoh tiga (03) tahun selepas dilantik ke jawatan ini.

2. Mempunyai perkara-perkara berikut adalah kelebihan:
  - i) Mempunyai pengalaman mengajar di peringkat menengah tidak kurang dari lima (05) tahun.
  - ii) Mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam mengendalikan komputer.
3. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.
4. Hendaklah bersedia bertugas pada bila-bila masa termasuk di luar waktu bekerja dan di mana-mana sahaja dikehendaki sebagaimana yang diarahkan.
5. Syarat-syarat lain adalah dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.



## **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

### **DALAM BIDANG MATA PELAJARAN BAHASA INGGERIS:**

1. Bertugas di Pusat Evolusi, Institut Latihan ABDB sebagai tenaga pengajar sepenuh masa untuk mengajar anggota-anggota tentera tempatan untuk mengikuti kursus-kursus asas Bahasa Inggeris hingga ke peringkat lanjutan dan bersedia untuk mengajar subjek Bahasa Inggeris kepada anggota-anggota tentera dan kakitangan awam.
2. Hendaklah bersedia untuk bertugas dan mengendalikan ujian-ujian ketenteraan terutama bagi pemohon-pemohon Askar biasa dan bakal Pegawai Kadet.
3. Hendaklah bersedia untuk membuat tugas-tugas sampingan seperti menjalankan aktiviti-aktiviti bukan akademik bagi menerapkan nilai-nilai kepimpinan dan pengurusan serta semangat berpasukan kepada para peserta kursus Pusat Evolusi, Institut Latihan ABDB.
4. Menjalankan lain-lain tugas yang diarahkan oleh pihak pengurusan dan pentadbiran Pusat Evolusi, Institut Latihan ABDB.

### **DALAM BIDANG MATA PELAJARAN TEKNOLOGI MAKLUMAT:**

1. Bertugas di Pusat Evolusi, Institut ABDB sebagai tenaga pengajar sepenuh masa untuk mengajar anggota-anggota tentera dan kakitangan awam yang mengikuti kursus-kursus kemahiran *computer* dan pelajaran *Computer Studies*.
2. Hendaklah bersedia untuk memimpin atau mentadbir cawangan kursus termasuk hal ehwal pentadbiran makmal *computer* dan kemudahan-kemudahan *ICT* Pusat Evolusi, Institut Latihan ABDB.
3. Hendaklah bersedia untuk mengendalikan dan / atau memberikan bengkel-bengkel / kursus pendek / seminar yang berkaitan dengan *ICT* atau bidang-bidang lain berdasarkan kemahiran dan minat masing-masing.
4. Hendaklah bersedia untuk membuat tugas-tugas sampingan seperti menjalankan aktiviti-aktiviti bukan akademik bagi menerapkan nilai-nilai kepimpinan dan pengurusan serta semangat berpasukan kepada para peserta kursus Pusat Evolusi, Institut Latihan ABDB.
5. Menjalankan lain-lain tugas yang diarahkan oleh pihak pengurusan dan pentadbiran Pusat Evolusi, Institut Latihan ABDB.